

17/06/2000

Shahnon ulangi hasrat berhenti

Ibrahim Muhamad; Maznah Darus; Wan Esuriyanti Wan Ahmad
GEORGETOWN, Jumaat - Ahli Pas seumur hidup, Datuk Shahnon Ahmad, hari ini mengulangi hasratnya untuk melepaskan jawatan sebagai Ahli Parlimen Sik atas sebab kesihatan.

Shahnon, 68, mengulangi kenyataan itu ketika dihubungi di kediamannya di Minden Heights dekat sini, hari ini. Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor, menyifatkan laporan Bernama mengenai perkara itu sengaja direka.

Fadzil yang ditemui pemberita selepas menghadiri persidangan agung Keadilan di Wisma Ungku Aziz di Kuala Lumpur, berkata: "Tak adalah...mengarut. Shahnon akan teruskan. Ini semua permainan media, tak habis-habis pembohong."

Semalam, Shahnon yang pernah mencetuskan kontroversi berikutan penerbitan novelnya SHIT, memberitahu Bernama bahawa beliau akan meletak jawatan atas sebab kesihatan.

Ketika diminta mengulas perkara itu, Fadzil berkata: "Sakit? (Datuk Seri Dr) Mahathir (Mohamad) pun sakit. Itu biasalah dan kalau Shahnon tak dapat menghadiri Parlimen, dia boleh minta kebenaran daripada Speaker Dewan. Dia tak perlu berhenti kerana dia masih boleh bertugas.

"Berita itu tak betul. Ini bukan kenyataan dia tetapi pemberita. Dia masih sihat dan akan lancarkan buku terbarunya Muntah tidak lama lagi," katanya.

Shahnon ketika dihubungi di rumahnya petang ini, bagi mengulas lebih lanjut mengenai kenyataannya semalam, mengakui beliau memang berniat meletak jawatan atas sebab kesihatan.

"Saya sedang menjalani rawatan kerana penyakit asma yang menimbulkan komplikasi serta batuk yang berpanjangan. Doktor pakar menasihatkan saya agar mengambil cuti panjang untuk berehat," katanya.

Katanya, beliau akan mengemukakan hasratnya itu kepada pucuk pimpinan parti untuk membuat keputusan muktamad.

Ditanya sama ada beliau sudah memberitahu pucuk pimpinan parti secara rasmi, Shahnon berkata: "Secara rasmi saya belum beritahu lagi, tetapi secara tidak rasmi mereka sudah tahu kedudukan kesihatan saya sekarang."

Beliau yang memenangi kerusi Parlimen Sik pada pilihan raya umum lalu dengan menewaskan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman, bagaimanapun berkata, keadaan kesihatannya tidak menghalang beliau meneruskan kerjaya dalam bidang penulisan.

Beliau kesal kerana sejak kebelakangan ini banyak berita angin disebarakan terutama yang menyatakan beliau sudah meninggal dunia.

"Perkara ini sungguh memeranjatkan. Mungkin ia adalah perbuatan pihak yang mempunyai kepentingan peribadi," jelasnya.

Di Tasik Kenyir, Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata sejak Shahnon menjadi wakil rakyat, beliau tidak berbuat apa-apa pun untuk rakyat.

"Sepatutnya wakil rakyat perlu memberi perhatian dalam segala segi bagi manfaat rakyat yang memilih mereka," katanya.

(END)